

Sistem Beraja Di Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Dari Perspektif Politik Islam

Abdol Rauh

Pendahuluan

Sekitar pertengahan abad ke 14M Negara Brunei mengalami perubahan dalam senario politik Negara apabila Awang Alak Betatar pemerintah Brunei telah memeluk Islam pada tahun 1371M dengan menggunakan nama Sultan Muhammad. Salasilah Raja-Raja Brunei menyatakan

Maka adalah yang awal2 menjadi raja didalam negeri Berunai iaitu Awang Alak Betatar dijadikan Sultan Muhammad, ialah yang awal2 membawa agama Islam mengikut shari'at nabi kita Muhammad S.A.W.

Kenapa dan mengapa raja Brunei memilih sistem kesultanan bagi Negara Brunei apabila ia memeluk agama Islam. Mengapa pula baginda tidak digelar sebagai khalifah iaitu sistem berpolitik dan bernegara sebagaimana yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah S.A.W apabila para sahabat menyegerakan perlantikan khalifah atau pengganti Rasulullah sebelum jenazah baginda S.A.W. disemadikan sebagai bukti betapa pentingnya mendirikan sebuah pemerintahan. Oleh kerana perlantikan khalifah ini diterima secara ijma' maka ia menjadi hujah bahawa perlantikan seorang pemimpin adalah wajib. Tambahan pula terdapat perintah dalam al-Quran dan Hadith supaya mentaati pemimpin. Bagaimana mungkin berlaku ketaatan kepada pemimpin sekiranya tiada pemimpin dilantik. Dalam surah al-Nisa' ayat 59 membawa maksud: Wahai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul dan para pemimpin (uli al-amr) daripada kalangan kamu. Diriwayatkan bahawa Nabi S.A.W. bersabda yang bermaksud: Sesiapa yang mentaatiku sesungguhnya dia mentaati Allah dan sesiapa mengingkariku maka sesungguhnya dia mengingkari Allah, dan sesiapa mentaati pemimpin sesungguhnya dia mentaatiku.

Khalifah ialah jawatan tertinggi dalam kepimpinan sebuah Negara Islam. Al-Mawardi mendefinisikan khalifah sebagai pengganti Nabi dalam urusan agama dan dunia. Seorang khalifah bertanggungjawab dalam kedua-dua aspek iaitu agama dan politik. Dia menjadi imam sembahyang, panglima tentera, ketua pentadbir dan ketua hakim. Secara keseluruhannya seorang khalifah ialah ketua Negara yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang luas tetapi sebahagian daripada kuasanya boleh diserahkan kepada orang lain.

Bukan sahaja Negara Brunei tidak memakai gelaran khalifah sehingga pada zaman keagongannya malah kesemua negeri di kepulauan Melayu juga tidak mengaplikasikan penggunaannya. Ini pastinya disebabkan wujudnya konsep kesatuan khilafah. Para fuqaha bersepakat mengenai wajibnya kesatuan khalifah sepertimana mereka bersetuju mengenai wajibnya khilafah ini. Kesatuan khalifah bererti bahawa tiada dibenarkan dua orang pemimpin pada satu-satu masa bagi mentadbir urusan orang-orang Islam. Ini berdasarkan kepada tiada terdapat peristiwa duluan dalam sejarah khalifah yang panjang kecuali ketika dunia Islam berada di bawah pemerintahan khalifah yang lemah namun ia kembali semula mengamalkan perinsip kesatuan khilafah apabila keadaan politik kembali stabil.

Sebagai contohnya pemerintah Mamluk di Mesir telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan sistem khilafah apabila khalifah Abbasiyah di Baghdad yang terakhir, al-Mu'tasim billah, terbunuh di tangan orang Mongol pada tahun 656H / 1258M. Usaha ini menjadi bukti menunjukkan pentingnya didirikan khilafah. Bukan sahaja pihak pemimpin memberi perhatian kepada isu khilafah ini tetapi umat Islam turut berdukacita kerana ibu kota Baghdad yang menjadi mercu tanda sebuah Negara Islam selama lima kurun itu telah hancur dibinasakan oleh kaum Mongol bahkan umat Islam menghadapi satu lagi malapetaka iaitu kehilangan pemimpin mereka sehingga mereka dapat membayangkan beginilah suasana yang menunjukkan kepada hampirnya hari kiamat. Suasana ketiadaan khalifah tidak pernah dialami oleh umat Islam sejak kewafatan baginda.

Hanya dengan kemenangan umat Islam di 'Ayn Jalut pada 26 Ramadan 658H / 3 September 1260M, bahawa harapan mengembalikan khilafah menjadi kenyataan. Ketika mana Sultan Qudz penglima tentera yang mengalahkan Mongol di 'Ayn Jalut memasuki Damsyik beliau telah membay'ah seorang pewaris keluarga Abbasi bernama Abu al-Abbas Ahmad sebagai khalifah untuk dihantar ke Mesir sebagai persediaan untuk menjadi khalifah di Baghdad. Tetapi beliau tidak hadir sebaliknya seorang lagi pewaris keluarga Abbasi Abu al-Qasim Ahmad telah mendahuluinya tiba di Qahirah. Istiadat pertabalan khalifah dilakukan oleh Sultan Mamluk Sultan Baybars pada 13 Rejab 659H/1260M dengan memberi gelaran khalifah al-Mustansir billah. Bagaimana pun usaha mengambil Baghdad dibawah pimpinan khalifah Abbasiyah yang baru ini tidak tercapai kerana ketiadaan sokongan yang mencukupi dari kerajaan Mamluk maka khalifah mengalami kekalahan dan terbunuh di satu tempat hampir dengan Anbar pada bulan Muharram 660H/1261M. Lalu Sultan Baybars menjemput Abu al-'Abbas Ahmad pewaris Abbasi yang terselamat ketika percubaan mengambil kembali Baghdad dan telah tiba di Qahirah pada bulan Rabi' al-Akhir 660H/ Mac 1262M dan pada 8 Muharram 661H/November 1262M baginda selamat ditabalkan sebagai khalifah. Akan tetapi pada kali ini khalifah Abbasiyah hanya ditempatkan di Qahirah sahaja di bawah pengawasan Sultan Baybars bukan lagi dirancang untuk ditabalkan di Baghdad. Sejak itu khalifah dibayangi oleh Sultan dan kuasa khalifah hanya terbatas kepada upacara rasmi sahaja di samping nama khalifah disebut dalam khutbah di Mesir dan di jajahan taaluk kerajaan Mamluk. Lalu kekallah khalifah 'Abbasiyah berada di Mesir selama dua setengah abad sehingga Mesir dibuka oleh Kerajaan 'Uthmaniyah pada tahun 1516/7M.

Dalam tempoh khilafah 'Abbasiyah di Mesir inilah penyebaran Islam berlaku di Kepulauan Melayu termasuk Brunei Darussalam. Oleh yang demikian konsep kesatuan khilafah masih digunapakai di mana hanya seorang khalifah 'Abbasiyah sahaja yang wujud dalam tempoh pemerintah Mamluk di Mesir. Sementara itu kuasa khalifah pula terbatas. Baginda menyerahkan segala urusan pentadbiran Negara kepada Sultan Mamluk tanpa campur tangan dan hanya berfungsi secara perlambangan seperti menghadiri majlis rasmi kerajaan dan hari-hari perayaan dan kebesaran.

Sejak didirikan khilafah 'Abbasiyah di Qahirah, Sultan Mamluk menikmati kedudukan yang mulia di antara raja-raja dan sultan-sultan di dunia Islam berdasarkan kepada kedudukan mereka sebagai penaung kepada khalifah disamping itu Qahirah menjadi pusat ilmu dan ibukota khilafah Islamiyah.

Sehingga abad ke 14 iaitu ketika Islam bertapak di Alam Melayu, institusi khalifah berdiri kukuh kerana keistimewaan penggunaannya walau pun fungsinya agak terbatas. Ia menjadi lambang kepada kekuasaan walau pun kuasa mutlak berada di tangan Sultan. Oleh yang demikian kewujudan Negara Islam yang baru seperti Brunei dan negeri-negeri Melayu yang lain tidak sekali-kali akan mencabar kedaulatan khalifah seolah-olah wujudnya satu kesepakatan dan kesefahaman yang timbul diantara mereka dalam memahami konsep kesatuan khilafah ini. Maka tidak hairan sekiranya Brunei dan negeri-negeri Melayu telah diperkenalkan dengan nama dan gelaran Sultan sesuai dengan pemakaian semasa yang berlaku selepas gugurnya khilafah 'Abbasiyah di Baghdad diganti pula dengan khilafah Abbasiyah di Qahirah.

Institusi awal dalam kesultanan Brunei

Peringkat awal sejarah negara Brunei ialah apabila tertubuhnya institusi kesultanan Brunei sekitar akhir abad ke 14M. Pada peringkat ini agama Islam mula menjadi agama rasmi. Ini dibuktikan daripada riwayat Cina bahawa utusan Cina yang diketuai oleh seorang Islam bernama Cheng Ho datang ke Brunei pada tahun 1405M mendapati Brunei telah ada sebuah kerajaan Islam. Peringkat awal ini memberi fokus kepada konsep ketaatan kepada raja yang membabi buta bertukar menjadi ketaatan kepada Sultan berdasarkan kepada konsep Sultan tidak berlaku zalim dan rakyat tidak menderhaka. Konsep ini adalah berasaskan daripada perinsip politik Islam dimana raja mesti berlaku adil dan tidak menzalimi rakyat, sementara rakyat pula mestilah patuh kepada pemerintah selama mana pemerintahnya tidak menyuruh melakukan larangan Tuhan. Sungguhpun tidak tercatat dalam riwayat sejarah awal Islam di Brunei akan wujudnya institusi pemerintahan seperti yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W. seperti adanya sistem pentadbiran, ekonomi seumpama baitul mal, sistem kehakiman dan sistem pertahanan. Namun tidak dapat dinafikan wujudnya institusi kesultanan Islam pada peringkat awal ini yang meletakkan asas kearah pembentukan kerajaan Islam yang lengkap secara berperingkat dalam pelaksanaannya.

Pengganti kepada Sultan Muhammad, Sultan pertama ialah Pateh Berbai yang setelah diangkat menjadi Sultan bergelar Sultan Ahmad. Menurut Salasilah Raja-raja Brunei, Sultan Ahmad kemudiannya digantikan oleh menantunya Sultan Sharif Ali berasal dari Taif berketurunan Nabi dari Sayyidina Hasan.

Sultan Sharif Ali bukan sahaja sebagai pendakwah dari keturunan Sayyidina Hasan tapi beliau juga dari keluarga yang memegang jawatan Syarif atau Amir Mekah yang memberi pendedahan yang luas kepada beliau dalam aspek politik dan pemerintahan Islam bahkan beliau turut disebut sebagai pernah menjawat jawatan Syarif Mekah menggantikan keluarganya Syarif 'Ajlun. Kedudukan beliau bukan sahaja memberi kelebihan kepada Negara Brunei Darussalam dalam pembentukan sebuah kerajaan Islam yang berdaulat bahkan memastikan Negara Brunei mematuhi syariat Islam seperti yang dapat dilihat dari sumbangan baginda ketika menjadi sultan Brunei yang ketiga.

Dalam Silsilah Raja-Raja Berunai menyebutkan tentang nasab Sultan Sharif Ali:

Maka tiada berapa lama-nya masoklah seorang bangsa Arab yang bernama Sharif Ali Bilfakih ke dalam Berunai, yang turun dari negeri Taif. Adalah Sharif itu Panchir daripada Amirul Mukminin Hasan, Chuchu Rasulullah S.A.W. maka tiada berapa lamanya Sharif Ali itu di-dalam negeri Berunai, ia pun berbini anak Sultan Ahmad ini, maka lalu dikahwinkanlah sebagaimana mengikut adat raja-raja pada masa itu.

Menurut Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd Jamil Al Surfi bahawa :

Susunan keturunan Sultan Sharif Ali, Sultan Brunei ketiga yang dikatakan daripada Sayidina Hasan Radhiaallahu 'Anhu, cucu Rasulullah Sallallahu 'Alaihi wa Sallam itu, adalah :

Sayidatuna Fatimah Az-Zahra binti Sayidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam berkahwin dengan Sayidina Ali bin Abi Talib Karramallahu Wajhah berputerakan Sayidina Hasan Radhiaallahu 'Anhu beranakkan Sayidina Hasan Al-Mutsanna beranakkan Abdullah Al-Muhdh beranakkan Musa Al-Jun beranakkan Abdullah Ar-Radhi beranakkan Musa Ats-Tsani beranakkan Muhammad Ats-Tsaer beranakkan Abdullah Al-Akbar beranakkan Ali beranakkan Sulaiman beranakkan Al-Husain beranakkan Isa beranakkan Abdul Karim beranakkan Mutha'an beranakkan Idris beranakkan Abu

'Arij Qatadah beranakkan Ali Al-Akbar beranakkan Abu Sa'ad Al-Hasan beranakkan Muhammad Abu Numaie Al-Awwal beranakkan Rumaitseh beranakkan 'Azlan beranakkan Sharif Ali (Sultan Brunei).

Antara sumbangan Sultan Sharif Ali dalam menguatkan institusi kesultanan Brunei ialah dengan menegakkan syariat Islam. Silsilah Raja-Raja Berunai ada menyebutkan :

Maka Sharif Ali inilah mendirikan agama Islam dan mengeraskan shariat nabi kita Muhammad S.A.W. di dalam Berunai,...

Dalam Silsilah Raja-Raja Berunai ada menyebutkan :

Maka Sharif Ali inilah mendirikan agama Islam dan mengeraskan shariat nabi kita Muhammad S.A.W. di dalam Berunai, dan membuatkan masjid.

Melalui pembinaan masjid sebagai tempat ibadat, markas pengajian dan penyebaran ilmu, pusat pemerintahan dan pentadbiran, ajaran Islam mula diperkenal, dipraktik dan dikembangkan dalam institusi kesultanan Brunei Darussalam sebagaimana yang diamalkan oleh baginda Rasulullah S.A.W. ketika pembentukan kerajaan Islam pertama di Madinah bermula dengan berdirinya Masjid al-Nabawi yang dianggap sebagai nadi kepada kegiatan masyarakat dan negara Islam pertama.

Masjid merupakan lambang dan identiti kedaulatan Islam di muka bumi ini. Berdirinya masjid menunjukkan tegaknya juga syiar agama Islam di tempat itu yang memberi peluang kepada masyarakat Brunei meningkatkan amalan beragama kearah penyempurnaan syariat Islamiah.

Malah dalam Syair Awang Semaun ada menyatakan bahawa Sultan Sharif Ali telah mendirikan masjid dan melantik Khatib, Imam, Bilal dan Khadi.

Baginda sultan merupakan orang pertama yang menyebarkan ajaran Islam secara meluas di Negara Brunei Darussalam dan berpegang teguh kepada 'aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan Mazhab Shāfi'i. Bagi memperkasa ajaran dan pendidikan Islam di negara ini dengan mendirikan sebuah masjid Jamik di Kota Batu yang dikenali sebagai "Masjid Sultan Barakat". Ia merupakan masjid pertama didirikan di negara ini dan telah dijadikan pusat ibadat dan pendidikan Islam. Baginda turut mengimamkan solat lima waktu, solat Jumaat, dan solat Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji serta menyampaikan khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya, dan pada masa sama, menjadi guru di masjid tersebut.

Untuk tujuan keselamatan Sultan Sharif Ali telah membina sebuah Kota Batu. Dalam Batu Tarsilah di Makam Diraja, yang ditulis oleh Khatib Haji Abdul Latif pada 1221H bersamaan 1807M menyatakan :

Maka Sharif Ali itulah Kerajaan dinamakan Paduka Seri Sultan Berkat ialah mengeraskan syariat Rasulullah Sallallahu alaihi wa Sallam dan berbuat masjid dan segala rakyat Cina berbuat kota batu.

Syair Awang Semaun juga menyatakan mengenai Kota Batu :

***Ke dalam Brunei kita bernegeri
Bukit mendinding kanan kiri
Di darat rumah bukit mendinding
Beratur rumah sebarang tebing***

Menurut Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd Jamil Al Surfi :

Kota Batu adalah sebuah tempat yang unggul dan terpenting sekali seperti yang tercatat dalam Tarsilah Raja-Raja Brunei di dalam zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali. Bagindalah Sultan Brunei Ke-3 yang mengarahkan orang-orang Cina membuat kubu daripada batu untuk mengelakkan kota ini daripada serangan musuh dan sejak itu, tempat ini terkenal dengan panggilan Kota Batu. Kota Batu terletak berdekatan dengan Sungai Brunei dan hanya tiga batu dari Bandar Seri Begawan.

Pembinaan Kota Batu sebagai Pusat kerajaan dan pentadbiran negara adalah menurut prinsip pembinaan sebuah negara seperti yang diasaskan oleh baginda Rasulullah S.A.W. dengan mendirikan sebuah kerajaan Islam di Madinah melalui konsep wujudnya sebuah negara dan ummah dalam sama-sama mempertahankan keselamatan dan kelangsungan negara.

Dari segi politik, baginda sultan juga telah mencipta sebuah bendera “Panji-Panji” Brunei sebagai lambang kedaulatan negara. Panji-panji tersebut mempunyai tiga sayap, di atasnya terletak ‘Tunggul Alam Bernaga’ adalah lambang kebesaran untuk mengingatkan syiar Islam yang dikembangkan oleh Baginda dan ianya adalah lambang kuasa Sultan yang menjalankan perintah Allah, dan sayap yang tiga itu dapat diertikan agama Islam berdasarkan Iman, Islam dan Ihsan.

Aspek budaya dan keilmuan Islam mula bertapak dan menyerap masuk dalam masyarakat Melayu Brunei. Tercatat dalam batu nisan baginda, penggunaan tulisan jawi dan beberapa istilah pinjaman dari bahasa Arab seperti: Ya Allah, Hijrah, Nabi, Jamadilawal, Khamis, waktu Isya’, Ali, akhirat, wassalam, bi dan al-Khair. Ini membuktikan telah berlaku transformasi budaya apabila budaya Islam mulai mengambil tempat budaya Hindu yang juga mempengaruhi bahasa Melayu ketika itu.

Catatan di batu nisan baginda sultan sharif Ali adalah seperti berikut:

الله يا
وقت خميس مالم اول جمادي بولن دلم تاهن اندم ف وله ت يك رات سدال فن وسلم عليه الله صلى ن بي هجرة دري
اخرة ك فدنت يادري برف ينده علي دهري عشاء
بالخير وال سلام
YA ALLAH

Dari Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam Delapan Ratus Tiga Puluh Enam Tahun dalam bulan Jamadilawal malam Khamis waktu Isya’ di hari Ali berpindah dari dunia kepada akhirat, wassalam bil-khair.

Baginda Sultan Sharif Ali telah menyediakan batu asas yang meletakkan Brunei sebagai negara yang berpotensi untuk menyebarkan dakwah dan ilmu Islam. Ini terbukti dengan pemerintahan anak cucu baginda yang menjadikan suatu kewajiban utama dalam menguatkan syiar Islam dan menjalankan pemerintahan menurut lunas-lunas Islam.

Pada zaman cucu cicit baginda, Brunei telah mula mengembangkan pengaruhnya ke atas penduduk di pesisiran pantai barat laut dan timur laut Borneo serta Kepulauan Filipina, malah baginda terlibat sendiri mengepalari armada Brunei meluaskan wilayah jajahannya untuk menjadikan Brunei sebagai Empayar Melayu Islam Brunei.

Kewibawaan Brunei sebagai empayar Melayu Islam telah dicabar dengan penyebaran agama Kristian di wilayah jajahan Brunei bahkan kedaulatan tanah air sendiri telah digugat. Namun semangat cintakan agama, tanah air dan sultan akhirnya membawa kemenangan yang gemilang.

Dalam memperkukuhkan tamadun dan peradaban Melayu Islam, akhirnya perundangan Islam bertulis telah digubal dan diguna pakai dalam sistem pemerintahan Brunei.

Manifestasi Pentadbiran Islam Dalam Kesultanan Brunei Darussalam

Dalam Surah an-Nur, ayat 55 Allah telah menjanjikan akan tertegaknya di muka bumi ini kepimpinan dari kalangan orang-orang yang beriman.

“Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhainya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.”

Konsep dan kewajipan kepimpinan Islam dijelaskan oleh al-Mawardi dalam bukunya *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-wilayaah al-Diiniyah* dengan menyatakan bahawa kewajipan seorang khalifah/sultan adalah “*menjaga agama dan mentadbir dunia*” sesuai dengan kedudukannya “*sebagai ketua kerajaan Islam dan melaksanakan Syariat Islamiyah*”.

Pada umumnya masih kurang perbincangan sekitar pentadbiran Islam lebih-lebih lagi pentadbiran Rasulullah S.A.W. Hal ini kerana kebanyakan kajian lebih menjurus kepada kajian mengenai sejarah Nabi Muhammad S.A.W sebagai seorang Rasul yang membawa risalah Islam. Oleh itu sejarah Nabi Muhammad S.A.W lebih diberi perhatian kepada tugas baginda S.A.W sebagai seorang Rasul yang menerima dan melaksanakan perintah wahyu dari Allah Subhanahu WaTa’ala mengatasi aspek kepimpinan dan pentadbiran baginda. Bahkan terdapat sebahagian yang tidak bersetuju untuk membicarakan sejarah Rasulullah S.A.W sebagai seorang pemimpin, negarawan, pentadbir dan seumpamanya yang hanya menilai aspek kepimpinan kemanusiaan semata-mata.

Mereka berhujjah bahawa cara demikian adalah merupakan sebahagian daripada agenda Orientalis yang menolak kenabian dan kerasulan Muhammad S.A.W. Pada dasarnya golongan Orientalis ini mengutamakan aspek manusiawi Muhammad S.A.W disebabkan keingkaran mereka mengakui kenabian dan kerasulan Muhammad S.A.W. Oleh yang demikian, mereka menafsirkan setiap tingkah laku dan perbuatan Nabi Muhammad S.A.W sebagai kepintaran seorang negarawan, pentadbir dan pemimpin bangsa Arab semata-mata.

Bahagian ini cuba melihat dan mengamati corak pentadbiran tradisi di Brunei Darussalam yang berusaha kearah menuju ciri-ciri pentadbiran Islam dalam merangka usaha, merancang dan mentadbir bagi melaksanakan perintah Ilahi. Dengan kata lain bahagian ini cuba mengetengahkan aspek pentadbiran dan kepimpinan para Sultan Brunei dalam pelaksanaan perintah dan arahan Ilahi bahkan cuba memberi tumpuan kepada aspek pentadbiran dan kepimpinan dalam melaksanakan tugas utama para Sultan sebagai seorang pemerintah dan ulama.

Sebelum kita menelusuri dan mengamati aspek pentadbiran tradisi Brunei Darussalam ada baiknya kita melihat sepintas lalu konsep pentadbiran Islam dan perbezaanya dengan pentadbiran umum. Adalah tidak mustahil pada waktu ini masih terdapat persepsi orang-orang bukan Islam menganggap tiada wujudnya pentadbiran dalam Islam sebagai satu disiplin ilmu dan amalan. Adalah menghairankan sekiranya ada dari kalangan orang-orang Islam sendiri yang mempunyai persepsi yang sama dengan orang-orang bukan Islam.

Antara faktor yang mendorong timbulnya perspeksi tersebut disebabkan tanggapan mereka bahawa istilah pentadbiran adalah perkataan yang baru muncul dan mula digunapakai di negara Barat sekitar akhir abad ke-19. Persepsi tersebut disokong pula dengan tersebarnya penguasaan dan penjajahan Barat ke atas dunia Islam yang berakhir dengan kelahiran negara bangsa atas acuan Barat. Sedangkan para pengkaji sejarah dan tamadun Islam tidak lupa akan wujudnya tugas dan fungsi kenabian yang mencakupi dua bidang kuasa iaitu urusan agama dan negara yang diteruskan dalam sistem khilafah sehingga berakhirnya Daulah 'Uthmaniyyah sebagai peneraju terakhir.

Adalah menjadi satu kenyataan yang kukuh dan tidak dapat disangkal bahawa Islam telah menubuhkan pemerintahan dan pentadbiran teragong dalam sejarah umat manusia yang kekal selama ratusan tahun sebagai kuasa besar dunia. Pemimpin Islam telah mentadbir satu kawasan yang luas dari sempadan negeri China di sebelah Timur hingga ke utara Sepanyol di sebelah Barat. Ini bererti kerajaan Islam pada masa itu telah berjaya melaksanakan polisi pengurusan dan pentadbiran yang paling efektif. Perbincangan sekitar isu di atas bukan sahaja dapat dirujuk kepada karya-karya sejarah dan tamadun malah kitab-kitab turath yang menyentuh bidang al-ahkam al-sultaniyyah, nizam al-hukm dan al-siyasah al-shar'iyah.

Apabila merujuk kepada **istilah pentadbiran** yang terdapat dalam karya-karya sejarah dan tamadun Islam dapatlah dilihat perbezaan yang amat ketara antara penggunaannya dalam Islam dengan bukan Islam. Antaranya **pentadbiran dalam Islam mencakupi aspek fizikal dan spiritual, antara tuntutan kebendaan duniawi dengan tuntutan kerohanian ukhrawi. Pentadbiran Islam berpaksikan prinsip syariah yang bersumberkan al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah.**

Sementara pentadbir Muslim pula memiliki jati diri kepimpinan nilai Islam ketika melaksanakan tugas. Konsep siyasah shar'iyah juga diterjemahkan ketika melaksanakan tugas pentadbiran yang mencakupi aspek perancangan, penyusunan, arahan dan pengawalan. Kesepaduan antara ilmu dan iman turut diterapkan dalam pentadbiran tanpa memisahkan antara keduanya. Dengan ilmu yang sebenar ini akan menyuburkan iman yang membawa kepada kepatuhan kepada Allah, sementara iman yang sebenar akan mendorong amal yang salih dan apabila dipisahkan antara keduanya jadilah ia pentadbiran secular.

Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa objektif pentadbiran Islam itu sendiri ialah kearah melaksanakan 5 ciri utama yang terdapat dalam **maqasid shariyyah** iaitu:

- menjaga agama -hifz al-din,
- menjaga nyawa –hifz al-nafs,
- menjaga akal –hifz al-'aql,
- menjaga keturunan –hifz al-nasab,
- menjaga harta –hifz al-mal.

Pentadbiran Rasulullah S.A.W.

Era Makkah memperlihatkan pelaksanaan prinsip pentadbiran Rasulullah dalam menguruskan kerja-kerja dakwah dan pendidikan masyarakat Islam yang pertama. Dalam tempoh tiga belas tahun, baginda melaksanakan perancangan dan pentadbiran yang amat teliti melaksanakan dakwah secara rahsia kemudian dakwah terang-terangan dalam menghadapi penentangan dan penyiksaan dari kaum Quraisy.

Era Madinah pula mempamerkan prinsip pentadbiran yang terancang dan penyusunan langkah yang kemas dalam **membentuk masyarakat** dan **negara Islam** yang pertama melalui beberapa program seperti penyatuan Ummah, pembinaan Masjid sebagai fokus kepada pendidikan Islam di samping pembentukan perlembagaan negara.

Rasulullah S.A.W. adalah Rasul dan Nabi yang terakhir yang diutuskan untuk seluruh manusia dan zaman berjaya menegakkan sebuah negara yang mempunyai dasar pentadbiran kerajaan Islam. Baginda mempunyai syarat yang cukup dan kuat bagi menegakkan sebuah negara, iaitu:

- **Bumi** iaitu bumi Madinah
- **Rakyat** iaitu para sahabat dari kalangan Muhajirin dan Ansar serta orang-orang bukan Islam yang bersedia untuk menjadi rakyat, bagi orang-orang yang tidak bersedia mereka boleh keluar dari bumi Madinah.
- **Pemimpin** iaitu Rasulullah sendiri yang dipilih oleh Allah dan rakyat Baginda pun menyetujui kepimpinannya.
- **Perlembagaan** iaitu Shafiah al Madinah.
- **Perundangan** iaitu al-Quran dan al-Hadith, kedua-dua merupakan bahan rujukan yang kaya.
- **kedaulatan** atau keperibadian sebagai sebuah negara wujud dengan ketinggian dan **keteguhan Islam** itu sendiri.

Rasulullah telah membina tapak yang teguh bagi Negara Islam dan mewujudkan tiga hubungan yang amat penting iaitu :

- Hubungan dengan Allah
- Hubungan dengan sesama umat Islam
- Hubungan umat Islam dengan orang-orang yang bukan Islam dan Negara bukan Islam dalam rangka menyampaikan risalah Islam serta menentukan sikap mereka terhadap Islam.

Langkah Rasulullah seterusnya dalam pembentukan pentadbiran Islam ialah memeterikan piagam yang merupakan perjanjian diantara pentadbiran kerajaan dengan rakyat. Piagam ini juga dinamakan dengan Kitab dan sahifah menurut ulama al-sirah dan mereka sepakat mengatakan sahifah Madinah adalah menepati piagam menurut istilah hari ini kerana ia merupakan perjanjian di antara kerajaan dan rakyat didalamnya ada mengatakan penegasan mengenai dasar negara dan siasahnya. Dapatlah disimpulkan dari Sahifah itu ialah:

- memeteri perjanjian persaudaraan di kalangan Muhajirin dan Ansar

- Ikatan persaudaraan di kalangan tiap-tiap individu Muhajirin dan Ansar
- Kedudukan orang-orang bukan Islam yang bersedia untuk menjadi rakyat kepada Negara Islam
- Mengisytiharkan negara Madinah sebagai negara Islam secara terang-terangan
- meletakkan hukum yang tertinggi ialah hukum Allah (al-Quran) dan Rasulullah (al-Sunnah)
- Rasulullah bertindak sebagai ketua negara dan meletakkan dasar bahawa kepimpinan negara seterusnya mestilah orang Islam.

Pemerintahan dan Pentadbiran Brunei

- Pemerintahan dan pentadbiran Brunei dapat dibahagikan kepada empat zaman penting iaitu:
 - pemerintahan dan pentadbiran berbentuk tradisi (zaman pemerintahan kesultanan),
 - pemerintahan dan pentadbiran selepas penjanjian Brunei Darussalam dengan British pada tahun 1906 (zaman pemerintahan residen),
 - pemerintahan dan pentadbiran selepas penggubalan Perlembagaan dimeterai pada tahun 1959 (sistem pentadbiran Setiausaha Kerajaan (State Secretary) dan Menteri Besar)(zaman berkerajaan sendiri)
 - pemerintahan dan pentadbiran selepas kemerdekaan dicapai pada tahun 1984 (Sistem Kementerian dan jawatan Perdana Menteri)(zaman kemerdekaan penuh).

Sebelum penjanjian Brunei Darussalam dengan British pada tahun 1906, Brunei pernah mengamalkan pemerintahan dan pentadbiran tradisi dan sebagai negara bersultan yang menurut adat istiadat dan mendaulatkan hukum Allah bahawa Sultan adalah merupakan khalifah Allah SWT di bumi Brunei yang telah diamanahkan untuk memerintah dan selaku pemimpin tertinggi bagi rakyat serta menepati kehendak syariat Islamiah.

Pemerintahan dan pentadbiran tradisi tersebut diketuai sendiri oleh Sultan dengan dibantu oleh pembesar negara seperti wazir-wazir, cheteria-cheteria dan pehin-pehin menteri yang dilantik.

Struktur Pentadbiran Tradisi

Dalam struktur pentadbiran tradisi pula, menunjukkan bahawa sistem monarki bersultan telah wujud di Brunei. Sultan menduduki tempat tertinggi dalam struktur pentadbiran tradisi Brunei. Dalam pentadbiran, Sultan bertanggungjawab untuk memilih para pembesarnya dan seterusnya memberikan gelaran kepada orang yang disukai Baginda, terutama di kalangan kerabat Diraja yang terdekat pada masa itu. Sistem monarki bersultan dikatakan lahir bersama konsep taat-setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Sultan, iaitu dengan konsep "*Sultan tak boleh zalim dan rakyat tak boleh derhaka kepada Raja*" dalam konteks kehidupan masyarakat Brunei.

Malah dalam pentadbiran tradisi ini, Brunei mempunyai dua buah badan pentadbiran yang utama iaitu badan perundangan dan badan eksekutif.

- Badan perundangan dilantik terdiri dari wazir dan cheteria,

- Badan eksekutif terdiri dari menteri Darat, Hulubalang, pengarah, Penyurat dan Pegawai Pentadbir urusan Agama.

Dua badan utama pentadbiran ini berperanan dalam menghasilkan keputusan Sultan, keputusan tersebut adalah dari hasil dasar permuzakarahannya diantara mereka.

Pelaksanaan Syura dan Undang-undang Islam

Prinsip Syura dan permuzakarahannya cara Islam dititikberatkan sebagai amalan tradisi dalam pentadbiran tradisi. Ini sepertimana pada zaman Sultan Jalilul Akbar yang telah mewasitkan agar anaknya Sultan Abdul Jalilul Jabbar (1659-1660 Masihi) terus melaksanakan dan menguatkuasakannya.

- *“Apa-apa hal negeri muafakat dengan wazir, cheteria, menteri semuanya serta sekalian sanak saudara, dan apa-apa hukumannya negeri ialah keempat wazir serta cheteria, memberi kapit anakanda serta adat istiadatnya mengikut undang-undang kanun, resam dan syarak”*

Dalam pesanan tersebut juga ada menjelaskan dan menitahkan bahawa pemerintahan dan pentadbiran baginda dan selepas baginda adalah bersandarkan kepada Hukum Kanun Brunei dan adat istiadat dan resam.

- Undang-undang Hukum Kanun Brunei yang dilaksanakan di dalam pemerintahan dan pentadbiran tradisi adalah berdasarkan syariah Islamiah dan menjadi undang-undang asas dan dasar Negara.
- Hukum Kanun Brunei ini mengandungi kira-kira 47 fasal yang mana keseluruhan dan kandungan hukum ini adalah sesuai dengan hukum syarak.
- Ia mencakup bidang yang luas dalam pelaksanaan hukum syarak seperti undang-undang jenayah: hudud, qisas dan takzir, undang-undang muamalah: jual beli, undang-undang keluarga: pinang-meminang, nikah, cerai dan fasakh, undang-undang acara dan keterangan.
- Undang-undang adat istiadat dan resam telah digunakan ketika zaman sultan Abdul Kahar ibni Sultan Bolkiah. Baginda berpendapat undang-undang resam bersama dengan hukum Kanun lebih mendatangkan kebaikan kepada rakyat.
- Misal kata satu kesalahan yang didapati sabit akan dikenakan hukuman yang tertentu menurut peruntukan dalam Hukum Kanun Brunei, tetapi jikalau sesuatu hukuman itu telah dijatuhkan kemudian ada permuafakatan umpamanya pembesar-pembesar Negara merayu kepada Sultan, supaya hukuman tersebut diringankan atau dibatalkan. Seperti halnya kes Pengiran bendarhara Sakam.

Brunei telah menjadi pusat perdagangan dan penyebaran Islam yang gemilang pada abad ke-15 dan 16 Masihi, dimana ia terserlah setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi. Malah Brunei menjadi tumpuan para pedagang tempatan dan asing yang datang ke Brunei bagi menjalankan perdagangan. Kapal-kapal dagang asing datang bagi mendapatkan bahan-bahan tempatan, di samping untuk memasarkan bahan-bahan dagangan mereka di pasaran tempatan. Para pedagang yang berada di Melaka ketika itu telah mengalihkan tumpuan perdagangan ke Brunei. Keadaan ini telah menjadikan Brunei sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa yang terdiri daripada pedagang pelbagai kaum, antaranya termasuklah China, Siam, Pattani, Jawa, Sumatera, Aceh, Maluku, Sulawesi, dan Mindanao, seperti yang tercatat dalam laporan Sepanyol pada tahun 1578 Masihi (dipetik oleh Saunders, 1994:46).

Pusat Pentadbiran Tradisi Brunei

Pusat pentadbiran Brunei yang sudah bermula pada abad ke-6 hingga ke-15 Masihi terletak di kawasan Teluk Brunei; dan bermula abad ke-16 hingga ke-17 Masihi, pusat pentadbiran berpusat di Kota Batu, di Sungai Brunei. Bagaimana pun, semasa pemerintahan Sultan Abdul Hakkul Mubin (1661 Masihi), kawasan Kota Batu telah meluaskan kawasannya sehingga kawasan Karang Berbunga di seberang Sungai Kota Batu, di mana Sultan Abdul Hakkul Mubin membina istananya

Selain itu, semasa pemerintahan Sultan Muhammad Hassan, Kota Batu telah dilengkapkan dengan dua istana berbentuk segi empat yang dilingkungi dengan dinding. Di kawasan Kota Batu telah dibina istana, masjid, dan pusat pendidikan yang bersesuaian dengan zaman tersebut bagi memudahkan interaksi Raja dengan rakyat dalam bentuk pentadbiran (Brown,1970a:39).

Pembentukan pentadbiran di Kota Batu telah memberi ruang kepada penduduk di sekitarnya untuk membuat penempatan di sekelilingnya, terutama di sepanjang pesisiran Sungai Brunei. Mereka membuka perkampungan baru di sepanjang Sungai Brunei, seperti kawasan Kampung Puduk, Kampung Baru-baru, Kampung Serdang, Kampung Sungai Lampai, dan Kota Batu sebagai ibu negeri yang dianggap sebagai penempatan yang terbesar sebelum penghuni kawasan ini berpindah ke kawasan perairan cetek di sebelah hulu Sungai Brunei, yang dikenali sebagai Kampong Ayer.

Peranan Para Sultan ke arah Pentadbiran Tradisi Islam

Sultan Sharif Ali bin Sharif Ajlan(1425-1432M). Susurgalur keturunan Baginda berakhir kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* melalui perkahwinan Sayyidatuna Fatimah, puteri Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dengan Sayyidina Ali *radiyallahu anhu* yang melahirkan putera Hasan. Daripada Hasan melahirkan keturunan “sharif” termasuklah Sultan Sharif Ali yang dikatakan berasal dari Ta`if, Hijaz, Saudi Arabia, dan kemudiannya datang ke Brunei.

Baginda menjadi terkenal dalam kalangan sultan-sultan yang memerintah di negeri-negeri rantau Asia Tenggara disebabkan jasanya yang begitu besar dalam bidang dakwah Islamiah, khususnya di Brunei sehingga Brunei menjadi sebuah negara Islam yang berdaulat dan aman makmur. Sejak itu Brunei terkenal dengan gelaran “Negara Brunei Darussalam” hingga ke hari ini.

Baginda merupakan orang pertama yang menyebarkan ajaran Islam secara meluas di Negara Brunei Darussalam dan berpegang teguh kepada akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah* dan mazhab Shafi`i dan dijadikan mazhab rasmi negara.

Baginda mendirikan sebuah masjid Jami di Kota Batu yang dikenali “Masjid Sultan Barakat”. Ia merupakan masjid pertama didirikan di negara ini dan dijadikan pusat ibadat dan pendidikan Islam.

Baginda telah memberikan sumbangan dari segi politik, Baginda telah mencipta sebuah bendera “Panji-Panji” Brunei sebagai lambang kedaulatan negara dan menyusun semula pentadbiran negara berasaskan syariat Islam. Pada masa yang sama, Baginda membina sebuah pusat pentadbiran baharu di Kota Batu dan dijadikan pusat pentadbiran negara.

Dari segi ekonomi, Baginda telah mempergiatkan bidang perdagangan dan perniagaan dengan mengadakan hubungan terus dengan Negeri China.

Sultan Bolkiah(1485-1524M), roh Islam menebal terhadap jati diri baginda, sehingga baginda sendiri sanggup turun dalam melaksanakan dakwah Islamiyah, sebahagian jajahan taklukannya seperti Suluk, Saludang (pulau Luzon) dan sebahagian Filipina.

Sultan Saiful Rijal(1533-1581M), kecekalan baginda memang tiada tandingnya, baginda telah berjaya mempertahankan akidah Islamiyah di Brunei. Sekiranya baginda lemah dalam menangani ujian tersebut, ada kemungkinan Brunei bertukar corak kepercayaan menjadi sebuah negara Kristian.

Sultan Hassan, Baginda telah memperkenalkan tamadun yang tersusun dengan sumbangan yang besar dalam menjalankan Hukum Kanun. Dan menyusun sistem pentadbiran dan juga menghidupkan adat istiadat dan memperkukuhkan ajaran Islam. Baginda telah memperhebatkan jentera pentadbiran baginda dengan menambah wazir kepada 4 orang, iaitu Pengiran Bendahara, Pengiran Di Gadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temanggung.

Pengiran Bendahara Seri maharaja wazir yang pertama adalah yang terkanan serta menjadi ketua tertinggi di dalam urusan adat istiadat agama Islam.

Kesimpulan

Kertas kajian ini menunjukkan bahawa sejarah Pentadbiran tradisi Brunei sangat unik dan menarik sekali, dapat diperhatikan menerusi kronologi sejarah tradisi Brunei. Dan sesuatu yang agak menarik untuk diamati ialah Negara Brunei Darussalam sebelum kedatangan dan campur tangan Inggeris telah pun mempunyai dasar pentadbiran tradisi bercorakkan Islam, undang-undang Islam telah dinobatkan sebagai undang-undang negara telah dilaksanakan di setiap peringkat dan sesuai dengan cara hidup masyarakat tempatan dan sistem pemerintahan. Pentadbiran tradisi ini menunjukkan bahawa Brunei Darussalam telah melaksanakan institusi politik Islam sejak Islam menjadi pegangannya.

Sultan-sultan Brunei pula berperanan dalam melaksanakan perintah Ilahi dengan menjalankan tugas utama sebagai pemerintah malah sebagai Ulama dalam melaksanakan tanggungjawab mereka bagi mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara.

BIBLIOGRAPHY

Annual Report On The State of Brunei 1906.

Brunei Annual Report 1955.

Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman 23-24 hb. July 1996, "Pentadbiran Undang-Undang Islam di Brunei", *Kertas Kerja*, Seminar Antarabangsa Pentadbiran Undang-Undang Islam, IKIM.

Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman 1986, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

H. R. Hughes-Hallet 1940, "A Sketch of the History of Brunei", *JMBRAS*, Vol. XV111, part 11.

H. Saifullah 2008, *Sejarah dan Tamadun Islam Di Asia Tenggara*, Jakarta: Pusat Kajian Budaya Islam IAIN Imam Bonjol Padang dan Penerbit PT. Tintamas.

al-Mawardi 2000, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-wilayaah al-Diiniah Şaydā* ; Bayrūt : al-Maktabah al-‘Aşriyah,.

P.M Yusof , Mac 1958, *Adat Istiadat Di-Raja Brunei (Darussalam)*, tanpa penerbit.

Pengiran Dr Haji Mohammad bin Pg Haji Abd Rahman 2005, *Islam Di Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Pengiran Dr Haji Mohammad bin Pg Haji Abd Rahman 2005, *Islam Di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)* 2011, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri 1973, *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Tarsilah Brunei Sejarah Awal Dan Perkembangan Islam,,* Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei.

P.L Amin Sweeney 1968, “Silsilah Raja-Raja Berunai”, *JMBRAS*, Vol. 41, Part 2.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri 1990, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei.

Perlembagaan Brunei 1959.

William George Maxwell and William Sumner Gibson 1925, *Treaties and Engagement Affecting The Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son. Ltd.

W. H Treacher 1880, “ British Borneo : Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo”, *JMBRAS* , Vol. 20.

Yura Halim dan Jamil Umar 1958, *Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Percetakan Brunei, Brunei.